

**K**UALA LUMPUR: Sebagai salah satu usaha menjadikan alam sekitar lebih hijau, Cofreth (M) Sdn Bhd (Cofreth) menanam 170 pokok yang disumbangkan kakitangannya dalam sambutan Green Finger Day, baru-baru ini.

Diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), pengumuman Green Finger Day adalah salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) organisasi itu dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kestabilan alam sekitar.

Pada majlis sama, Cofreth turut merasmikan Kempen Kesihatan dan Keselamatan Persekitarannya (HSE) yang akan berlangsung sehingga 31 Julai ini.

Pengarah Urusan Cofreth, Ir Ong Ching Loon, berkata organisasi itu mengutamakan isu kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan keberkesanan tenaga dalam perniagaannya dan Green Finger Day diasaskan dengan matlamat mendorong kakitangannya menuju ke arah amalan lebih 'hijau'.

# Kakitangan Cofreth tanam 170 pokok

Ong berkata, penjimatan tenaga mempunyai impak kuat kepada persekitaran rumah serta tempat kerja dan beliau berharap usaha Cofreth melalui Green Finger Day dapat menyuburkan budaya hijau di kalangan kakitangannya untuk diperturunkan kepada generasi muda, selepas ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Perkhidmatan Bandar MPSJ, Mohd Hafiz Sharif, berkata tanggungjawab menjaga alam sekitar tidak seharusnya diletakkan pada kerajaan semata-mata.

Beliau mahu tugas menjaga alam sekitar didukung ahli

masyarakat secara bersama-sama dan menyifatkan Cofreth sebagai sebuah organisasi berjaya menterjemahkan peranannya dalam memastikan masa depan lebih 'hijau' buat bumi.

Seramai 80 kakitangan Cofreth menanam 170 pokok daripada spesies Kelat, Meranti dan Merawan dalam acara yang berlangsung di Hutan Simpan Ayer Hitam, Lestari Puchong itu.

Persekitaran berlumpur dan air yang mencecah paras pinggang tidak langsung menjadi faktor menghalang peserta sambutan itu daripada menghabiskan lebih sejam membersihkan sebatang sungai yang terletak jauh di dalam hutan.

Cofreth berharap Green Finger Day akan menjadi tonggak utama organisasi itu dalam pengurusan sistem alam sekitar apatah lagi selepas menerima pensijilan ISO 14001:2004, baru-baru ini.

**FAKTA NOMBOR**

**80**

**kakitangan**

Cofreth menanam 170 pokok